

17/04/1997

Dr M dijangka jumpa Sultan selepas raya

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadap Sultan Selangor selepas Hari Raya Haji berhubung pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru ekoran peletakan jawatan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Menurut sumber Istana Alam Shah hari ini, tarikh sebenar majlis menghadap itu belum ditetapkan. Hari Raya Haji ialah Jumaat ini.

Sumber itu berkata, Sultan Selangor yang menjalani pemeriksaan di Institut Jantung Negara (IJN) di sini sejak Ahad lalu, pagi ini dikunjungi oleh Dr Mahathir.

"Kunjungan pagi tadi tidak formal. Perjumpaan selepas raya nanti adalah formal," kata pegawai itu. Sultan Selangor dibenarkan pulang ke istana diiringi Cik Puan Besar Selangor Siti Aishah pada 11 pagi tadi.

Wakil media yang cuba mendekati Sultan Selangor sejurus sebelum beliau menaiki keretanya untuk mendapatkan komen mengenai pelantikan Menteri Besar, dilarang berbuat demikian oleh pegawai istana.

Pengumuman mengenai peletakan jawatan Muhammad dibuat oleh Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, Sabtu lalu.

Muhammad yang juga seorang daripada Naib Presiden parti itu, ditahan di lapangan terbang Brisbane, Australia pada 22 Disember lalu kerana tidak mengisytiharkan wang yang nilainya bersamaan RM2.4 juta yang hendak dibawa keluar dari negara itu.

Pada sidang akhbar Isnin lalu, Muhammad berkata, beliau meletak jawatan itu kerana mahu menjaga nama baik parti. Beliau menjadi Menteri Besar Selangor sejak 1986. - Bernama

(END)